

Headline	Sasar penggunaan MIU meningkat		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	31 Mar 2016	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	279,000
Page No	17	Readership	837,000
Language	Malay	ArticleSize	203 cm ²
Journalist	AZLINA OTHMAN	AdValue	RM 2,969
Frequency	Daily	PR Value	RM 8,907

LIHAT SINI untuk kemudi terbaru BE

DANA EKUITI SYARIAH TERBAIK

PMB BODHAY AGGRESSIVE FUND

Sasar penggunaan MIU meningkat

11.8% 12.4% 11.6%

PMB INVESTMENT

Sasar penggunaan MIU meningkat

■ AZLINA OTHMAN

PASIR GUDANG - Puspakom Sdn Bhd (Puspakom) menyoarakan peningkatan sehingga 40 peratus penggunaan Unit Pemeriksaan Bergerak (MIU) apabila perkhidmatan itu kini mula diperkenalkan di Wilayah Selatan dan Utara bermula 1 April depan.

Ketua Operasi Perkhidmatan Gerak Primier, Ir Mohd Yuza Mohd Yusof berkata, perkhidmatan baharu itu akan ditempatkan di cawangan Puspakom Pasir Gudang bagi Wilayah Selatan dan Mak Mandin, Pulau Pinang bagi Wilayah Utara.

Menurutnya, ia menjadikan jumlah keseluruhan MIU di kawasan Semenanjung sebanyak enam unit membabitkan dua unit di Puspakom Padang Jawa bagi kawasan Lembah Klang, serta dua unit untuk kawasan Kuantan, Pahang bagi Wilayah Timur.

"Perkhidmatan khas yang menggunakan teknologi Perancis ini mampu menjimatkan masa dan memudahkan pengusaha kenderaan, khususnya kenderaan pengangkutan-



Mohd Yuza (kiri) dan Win Juat menunjukkan sistem berkomputer yang terdapat di dalam kabin perkhidmatan MIU.

an dan logistik menjalani pemeriksaan kenderaan tanpa perlu mengunjungi cawangan Puspakom," katanya semasa pelancaran perkhidmatan itu di sini, semalam.

Dalam pada itu, Ketua Bahagian Operasi Puspakom, Datuk Ooi Win Juat berkata, pasukan MIU yang terlatih itu mampu mengendalikan kira-kira 80 pemeriksaan dalam sehari dan pelanggan hanya perlu menghubungi talian bebas tol MIU untuk buat temu janji.

"Selain itu, pemeriksaan sukarela melibatkan proses pe-

meriksaan pengesahan nombor enjin dan casis, pemeriksaan bahagian atas dan bawah kenderaan, ujian brek, ujian suspeni dan sebagainya juga boleh dilakukan menerusi MIU.

"Pasukan MIU terdiri daripada enam kakitangan Puspakom bagi setiap kenderaan unit bergerak dilengkapi peralatan pemeriksaan kenderaan, akan ke lokasi pilihan pemilik kenderaan untuk melakukan pemeriksaan dengan mudah dan cepat kerana laporan pemeriksaan akan dikeluarkan serta-merta," katanya.